



KETUA SETIAUSAHA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel : 03-88832533
Faks : 03-88895245

Ruj : (22)dlm.KKM.400-9/1/3.Jld.7

Tarikh : 10 Ogos 2018

Setiausaha-setiausaha Bahagian
Pengarah-pengarah Bahagian
Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah-pengarah Hospital Negeri
Pengarah-pengarah Institusi

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 2 TAHUN 2018**

**CAJ RAWATAN PERUBATAN BAGI PENDATANG TANPA IZIN
YANG BERDAFTAR SECARA SAH DENGAN PESURUHJAYA
TINGGI BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI HAL EHWAL
PELARIAN (UNITED NATIONS HIGH COMMISSIONER FOR
REFUGEES-UNHCR)**

1. TUJUAN

Surat Pekeling ini bertujuan memaklumkan semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan mana-mana institusi perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang menawarkan perkhidmatan kesihatan mengenai kadar caj rawatan perubatan bagi pendatang tanpa izin UNHCR yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bagi

Hal Ehwal Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees – UNHCR*).

2. LATAR BELAKANG

UNHCR telah ditubuhkan pada tahun 1950 untuk memberi perlindungan antarabangsa kepada orang pelarian dan mencari penyelesaian untuk orang pelarian dan orang tanpa kerakyatan. UNHCR berfungsi untuk melindungi hak orang pelarian, memastikan kesejahteraan mereka, dan membantu untuk mencari penyelesaian jangka masa panjang.

UNHCR Malaysia berpejabat di Kuala Lumpur dan menjalankan tugas membuat penilaian sama ada mana-mana individu itu memerlukan perlindungan antarabangsa atau tidak. Ia menjalankan semua aktiviti yang berkaitan dengan penerimaan, pendaftaran, pemberian dokumentasi, dan penentuan status pemohon suaka.

3. Pihak UNHCR telah mendefinisikan orang pelarian sebagai:

- (i) seseorang yang mempunyai kebimbangan berasas terhadap penganiayaan disebabkan oleh bangsa, agama, kewarganegaraan, keahlian dalam kumpulan sosial tertentu atau pandangan politiknya;
- (ii) seseorang yang kerana mempunyai kebimbangan tersebut, berada di luar negara asalnya atau tidak mempunyai kewarganegaraan, dan berada di luar negara mastautinnya; dan
- (iii) seseorang yang kerana mempunyai kebimbangan tersebut, tidak mahu atau tidak dapat kembali ke negara asal atau negara mastautinnya.

KADAR CAJ

4. Kadar caj bagi rawatan perubatan / pembedahan / siasatan / ubat-ubatan / rawatan pesakit luar am / pakar yang dikenakan kepada pendatang tanpa izin yang diiktiraf dan berdaftar secara sah dengan UNHCR ialah 50% daripada kadar caj warga asing yang terdapat di dalam Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014. Kadar caj 50% daripada kadar caj warga asing tersebut adalah bagi Kelas 3 sahaja.
5. Kadar deposit perubatan / pembedahan dan bersalin yang dikenakan kepada pendatang tanpa izin UNHCR adalah 50% daripada kadar deposit yang dikenakan kepada warga asing seperti dalam Garis Panduan Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014.

SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN

6. Kad Pengenalan Diri (Kad UNHCR)

Pendatang tanpa izin UNHCR hendaklah mengemukakan Kad Pengenalan Diri yang dikeluarkan oleh UNHCR yang mengesahkan status pembawanya sebagai pendatang tanpa izin yang dilindungi oleh UNHCR setiap kali mendapatkan rawatan di mana-mana hospital / klinik Kerajaan di seluruh negara. Contoh Kad UNHCR tersebut adalah seperti di **Lampiran A(i)** dan **Lampiran A(ii)**. Kedua-dua kad tersebut diterima pakai untuk pengesahan status pendatang tanpa izin UNHCR.

Kad UNHCR di Lampiran A(ii) adalah Kad UNHCR yang baharu dan dilengkapi dengan kod *Secure Quick Response (SQR Code)* bagi memudahkan pengesahan atas kesahihan kad tersebut. Pengesahan status pemegang Kad UNHCR boleh dibuat melalui Aplikasi Mudah Alih UNHCR VERIFY-MY yang boleh dimuat turun secara percuma dari aplikasi *Apple* atau mobile *Android*.

7. Surat Pengenalan Diri

Surat Pengenalan Diri yang menyatakan status pembawanya masih dalam pertimbangan UNHCR boleh diterima pakai bagi mendapat pengurangan 50% daripada kadar caj warga asing. Contoh Surat Pengenalan Diri tersebut adalah seperti di **Lampiran A(iii)**. Verifikasi terhadap Surat Pengenalan Diri tersebut boleh dilaksanakan menggunakan sistem yang sama dengan sistem verifikasi kad UNHCR.

8. Surat Pengesahan UNHCR (*UNHCR Letter of Intent*)

Bagi pendatang tanpa izin UNHCR yang tidak mampu menanggung kos rawatan perubatan, mereka perlu mengemukakan *UNHCR Letter of Intent* seperti di **Lampiran B** yang mengesahkan bahawa UNHCR bersedia untuk menanggung perbelanjaan perubatan sehingga jumlah maksimum sebanyak RM400. Sekiranya kos rawatan adalah melebihi daripada RM400, pihak hospital hendaklah mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada pihak UNHCR sama ada UNHCR bersetuju untuk membayar baki kos rawatan tersebut. Jika pihak UNHCR tidak bersetuju, maka adalah menjadi tanggungjawab pesakit berkenaan untuk menanggung baki kos berkenaan. Segala pertanyaan dan pengebilan hendaklah dimajukan ke alamat berikut:

Programme Officer
UNHCR
570, Jln Bukit Petaling
P.O.BOX 10185
50460 Kuala Lumpur

atau hubungi talian 03-211804800, faks 03-21411780 dan emel mlslu@unhcr.org.

9. Pemasangan Peralatan Implan dan Prostesis

Bagi kes yang mana pesakit tidak mampu untuk membayar kos pemasangan peralatan implan dan prostesis, pihak hospital hendaklah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada

UNHCR untuk menanggung kos tersebut sebelum pemasangan dilakukan.

10. Penyakit Berjangkit

Bagi kes di mana seorang pendatang tanpa izin UNHCR menghidap penyakit berjangkit yang disenaraikan sebagai penyakit berjangkit oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, maka pengecualian fi bagi penyakit berjangkit yang diberikan kepada pesakit adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 7 Tahun 2017: Garispanduan Pengecualian Fi Bagi Penyakit Berjangkit di Kalangan Warga Asing.

TARIKH KUATKUASA

11. Surat Pekeliling ini adalah terpakai bagi semua hospital, klinik dan institusi-institusi perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
12. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2017 bertarikh 18 Januari 2017 adalah dibatalkan.



“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

LAMPIRAN A (i)

Kad UNHCR



Pandangan hadapan

Pemegang kad UNHCR ini, di mana gambaranya berada di muka hadapan, merupakan seorang pelarian menurut mandat UNHCR. Penentuan status ini adalah hasil penilaian secara individu.

UNHCR dengan segala hormatnya memohon pihak berkuasa Malaysia agar membenarkan pemegang kad ini tinggal sementara di Malaysia tanpa ditahan atau dideportasi dan diberi layanan yang berperikemanusiaan berlandaskan taraf antarabangsa. Pemegang kad ini wajib menghormati undang-undang yang berkuatkuasa semasa berada di Malaysia.

Perwakilan UNHCR di Malaysia, boleh dihubungi di:
570, Jalan Bukit Petaling,
50460 Kuala Lumpur, Malaysia.

Alamat Posi: Tel. (+603) 2118 4800
P.O. Box 10185, 50706 Kuala Lumpur. Faks: (+603) 2141 1780
Talian Penahanan: 012 - 630 5060 mslu@unhcr.org | www.unhcr.org.my

Kad ini adalah hak milik UNHCR. Jika dijumpai, sila pulangkan dengan segera kepada UNHCR.

Pemegang Kad UNHCR ini, di mana gambaranya berada di muka hadapan, adalah seorang pemohon suaka yang berdaftar dengan pejabat UNHCR. Status pelarian beliau sedang dalam proses untuk ditentukan. Sebagai pemohon suaka, beliau adalah orang yang di bawah perhatian UNHCR.

Sementara beliau menanti keputusan status pelariannya, UNHCR dengan segala hormatnya memohon pihak berkuasa Malaysia agar membenarkan pemegang kad ini tinggal sementara di Malaysia tanpa ditahan atau dideportasi dan diberi layanan yang berperikemanusiaan berlandaskan taraf antarabangsa. Pemegang kad ini wajib menghormati undang-undang yang berkuatkuasa semasa berada di Malaysia.

Perwakilan UNHCR di Malaysia, boleh dihubungi di:
570, Jalan Bukit Petaling,
50460 Kuala Lumpur, Malaysia.

Alamat Posi: Tel: (+603) 2118 4800
P.O. Box 10185, 50706 Kuala Lumpur. Faks: (+603) 2141 1780
Talian Penahanan: 012 - 630 5060 mslu@unhcr.org | www.unhcr.org.my

Kad ini adalah hak milik UNHCR. Jika dijumpai, sila pulangkan dengan segera kepada UNHCR.

Pandangan belakang

1. UNHCR Official Logo

UNHCR enforces strict regulations regarding the format of its logo.

2. UNHCR Custom Hologram

Forgery proof UNHCR Custom Hologram laminate deters from fraudulent reproduction, alteration and duplication of cards. UNHCR holds the sole rights to this Custom Hologram template, which is only produced by one company globally.

3. Digital Photograph of bearer

This photo, which was taken during the actual registration activity, allows photo taken only by UNHCR to be on the card.

4. Validity Date

Expiry date ensures that the cards don't fall into the wrong hands over protracted periods of time. It also provides UNHCR an opportunity to renew photographs, revalidate existing records when card expires and thus to remain in contact with the refugee community.

5. Date of Issuance

Date when the UNHCR card was issued to the bearer.

6. Basic bio-data information of bearer

Full name, Sex, Date of Birth, Country of Origin.

7. Reference Number

UNHCR unique Case Reference Number. This number provides for easy reference to case files. Please mention this number in case of inquiries about the individuals card holder.

8. Digital UNHCR Stamp and one Authorized Signature

9. Unique Serial Number

Each card is embedded with a serial number to deter from reproduction of the card. All serial numbers are logged for accountability.

10. Bar Code

A unique individual ID is encoded into the bar code to assist quick reference of an individual from a registration database.

Lampiran A(ii)

Kad Pengenalan Diri Baharu (Kad UNHCR)

Pandangan hadapan kad



1. Teks Mikro

Setiap sisi kad terdiri daripada perkataan teks mikro “United Nations High Commissioner for Refugees” dalam enam bahasa: Empat Bahasa (Bahasa Inggeris, Perancis, Cina dan Arab) di sebelah kiri dan dua bahasa (Sepanyol dan Rusia) di sebelah kanan.

2. Logo Rasmi UNHCR

Kad ini mempunyai logo-logo standard UN dan UNHCR.

3. Kad QR untuk Nombor Siri Kad

Dengan menggunakan pengimbasan kod bar 2D atau Aplikasi Mudah Alih, ia akan memaparkan nombor siri kad.

4. Kod Negara

Kod Negara untuk membezakan negara operasi pengeluaran kad ini.

5. Pelekat Hologram

Hologram ini mempunyai logo standard UNHCR, dengan perkataan UNHCR.

6. Maklumat Biodata Pemilik Kad

Maklumat Biodata pemilik kad UNHCR seperti gambar, kod bar nombor individu, nombor individu, nombor kes UNHCR, nama penuh, jantina, tarikh lahir, negara asal, tarikh pengeluaran kad dan tarikh pembaharuan kad.


7. Kod Bar

Dengan menggunakan pengimbas kod bar 2D untuk aplikasi mudah alih, nombor kes UNHCR pemegang kad akan terpapar.

8. Watermark

Kad ini mempunyai *watermark* logo UN.

Pandangan Kad Belakang



1. Kenyataan UNHCR

Kad ini mempunyai kenyataan standard dalam dua bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia) dengan alamat UNHCR dan maklumat untuk dihubungi.

2. Kod SQR

Kod SQR besar ini mengandungi biodata dan gambar (saiz ibu jari) pembawa. Pengguna boleh mengesahkan kad UNHCR dengan mengimbas kod SQR yang besar dengan menggunakan Aplikasi mudah alih dibina khas (*Android* atau *Iphone*). Setelah diimbas melalui aplikasi mudah alih ini, dan sekiranya kad ini sahih:

- Skrin mudah alih akan menunjukkan gambar pemegang kad, jenis dokumen, nombor kes UNHCR, nombor individu, nama penuh, tarikh lahir, jantina, negara asal, tarikh pengeluaran kad dan tarikh pembaharuan kad.
- Dengan merujuk data di skrin, pemegang kad ini boleh disahkan.

Sekiranya kad tidak sahih, atau tidak dapat dibaca oleh Aplikasi mudah alih, salah satu daripada dua mesej akan dipaparkan pada skrin; yakni agar pengguna imbas semula kad atau hubungi UNHCR untuk maklumat lanjut.

Lampiran A(iii)

Surat Pengenalan Diri



United Nations High Commissioner for Refugees
Haut Commissariat des Nations Unies pour les réfugiés

UNHCR Representation In Malaysia
570 Jalan Bukit Petaling,
50706 Kuala Lumpur.

Email : mslu@unhcr.org
Tel : +603 - 2118 4800
Fax : +603 - 2141 1780

UNHCR Detention Hotline: 012 - 630 5060

Ref: XXX-xxCxxxxx

TO WHOM IT MAY CONCERN

This is to certify that Mr. [Name] (DOB: [Day/Month/Year]) from [Country of Origin], is an asylum-seeker registered with the Office of the United Nations High Commissioner for Refugees. This person's claim for refugee status is in the process of being examined. As an asylum-seeker, he is a person of concern to the Office of the United Nations High Commissioner for Refugees, and should, in particular, be protected from forcible return to a country where he claims to face threats to his life or freedom, pending a final decision on his refugee status. Any assistance accorded to Mr. [Name] will be most appreciated.

Questions regarding the information contained in this document may be directed to the Office of the United Nations High Commissioner for Refugees at the address above.

UNHCR Representation in Malaysia



Kuala Lumpur
01 December 2009

Renewal Date: [Date of Renewal]
Next Appointment: [Reason of Appointment]



< Name >
ID No.: xxx-xxxxxxx